

11 JUL 2000

KIT SIANG CADANG BERSAMA-SAMA TANGANI AJARAN SESAT

KUALA LUMPUR, 11 Julai (Bernama) -- Barisan Nasional dan pembangkang harus bekerjasama bagi menangani berulangnya kejadian rompakan senjata dari kem tentera dan menangani kumpulan ajaran sesat.

Pengerusi DAP Lim Kit Siang berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sepatutnya mengambil inisiatif dengan menjemput kesemua parti politik untuk menangani kumpulan ajaran sesat, dengan menubuhkan jawatankuasa bersama.

Dalam satu kenyataan hari ini, Lim berkata rompakan senjata di kem tentera oleh kumpulan Al-Ma'unah tidak seharusnya dipolitikkan.

"Para pemimpin politik mesti memberikan tindak balas kepada isu yang timbul berikutan rompakan senjata oleh kumpulan Al-Ma'unah, bukan sebagai Umno, MCA, MIC, PAS, Keadilan atau DAP tetapi sebagai pemimpin yang mewakili rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa, agama dan pegangan politik," katanya.

Malaysia, katanya, harus belajar daripada pengalaman negeri yang ditimbulkan oleh kumpulan agama fanatik di negara lain, seperti kumpulan Aum Shinri Kyo di Jepun dan kumpulan Heaven's Gate Doomsday di California.

-- BERNAMA

AR ZS RI